

**Kepada: Seperti di bawah**

**Daripada: Pengetua Maktab Rendah Sains MARA Gemencheh**

<b>Salinan Kepada:</b>			<b>Bilangan</b>
<b>Rujuk Kami</b> MRSM/GMCH/201/21	<b>Tarikh:</b> 24 Mei 2017	<b>Rujuk Tuan</b>	<b>Tarikh</b>

**Pengetua  
Maktab Rendah Sains MARA:**

Pengkalan Chepa, Tun Ghafar Baba, Taiping, Ketengah, Kuala Klawang, Pasir Tumbuh, Gerik, PDRM Kulim, Terendak, Kuching, Kota Putra, Pendang, Lenggong, Langkawi, Mersing, Jeli, Batu Pahat, Tun Dr Ismail (Pontian), Kuala Krai, Kuala Kubu Bahru, Kuala Terengganu, Transkrian, Tun Ghazali Shafie, Muadzam Shah, Serting, Kota Kinabalu, Pasir Salak, Besut, Kubang Pasu, Merbok, Kepala Batas, Alor Gajah, Muar, Balik Pulau, Beseri, Kuala Berang, Felda, Bentong, Betong, Kuantan, Tun Abdul Razak, Mukah, Tun Mustapha, Pengkalan Hulu, Tumpat, Baling, Johor Bahru, Parit, Tun Mohammad Fuad Stephen, Kuala Kangsar, Sungai Besar.

**JEMPUTAN MENYERTAI PROGRAM IHTIFAL ULUL ALBAB MRSM SE- MALAYSIA, 2017.**

Sukacita dimaklumkan bahawa MRSM Gemencheh telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi program Ihtifal Ulul Albab MRSM Se-Malaysia Kali Ke-4, pada 14 – 17 Julai 2017 (Jumaat - Isnin).

2. Sehubungan dengan itu, kami ingin menjemput maktab tuan/puan untuk menyertai pertandingan-pertandingan yang akan diadakan dalam program tersebut. Bersama-sama ini kami lampirkan butiran penyertaan bagi setiap pertandingan.
3. Bagi melicinkan kerja-kerja penyelarasan, sukacita kami memohon agar pihak tuan dapat mengambil tindakan bagi perkara berikut:
  - 3.1 Menghantar secara online borang penyertaan melalui pautan pendaftaran Ihtifal 2017 di laman web ihtifal (Google form), <https://ihtifal2017.jimdo.com>
    - 3.1.1 Senarai Nama Peserta
      - 3.1.1.1. Bagi MRSM Ulul Albab bilangan peserta maksimum adalah seramai 25 orang.
      - 3.1.1.2. Bagi MRSM Mini Ulul Albab bilangan peserta maksimum adalah seramai 13 orang.
    - 3.1.2 Nama seorang guru pengiring.
    - 3.2.3 Nama seorang atau dua orang pemandu.


Keusahawanan  
& Pendidikan *Global*  
"Amanah Rakyat"  
'Mendidik Hamba Membangun Khalifah'

Sila lengkapkan borang yang dilampirkan melalui e-mel yang diberikan dan hantar sebelum atau pada 16 Jun 2017 (Jumaat). Semua maklumat berkaitan ihtifal boleh dimuat turun dari lama sesawang <https://ihtifal2017.jimdo.com>

4. Taklimat kepada guru pengiring dan peserta Ihtifal akan bermula pada **14 Julai 2017** bermula **4.30 Petang** selepas Solat Asar di Surau. Guru pengiring diminta merancang perjalanan agar dapat tiba di MRSM Gemencheh awal. Sila rujuk jadual ihtifal di dalam laman web di atas.
5. Kemudahan makan dan minum, penginapan guru-guru pengiring dan pemandu tidak disediakan. Walaubagaimanapun, jika guru-guru pengiring dan pemandu ingin makan di maktab sepanjang program berlangsung maka dikehendaki membayar RM 50.00 (resit akan diberikan).
6. Setiap kontinjen wajib membayar duit deposit asrama sebanyak RM 50.00. duit tidak akan dipulangkan jika berlaku sebarang kerosakan yang dilakukan oleh pelajar sepanjang program berlangsung.
7. Sebarang pertanyaan atau kekeliruan boleh diajukan kepada penyelaras, **En. Muhamad Nordin bin Kasmon** di talian **013-222 9016**.
8. Segala kerjasama dan komitmen yang diberikan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Membandarkan Luar Bandar"**



**AYOB BIN PAIJAN**  
Timb. Pengetua Hal Ehwal Pelajar  
b/p pengetua  
Maktab Rendah Sains MARA  
Gemencheh

Keusahawanan  
& Pendidikan *Global*

**"Amanah Rakyat"**  
**'Mendidik Hamba Membangun Khalifah'**

## IHTIFAL ULUL ALBAB KALI KE-4, 2017

BIL	PERTANDINGAN	Kategori (L/P)	PENYERTAAN DARI MRSM ULUL ALBAB	PENYERTAAN DARI MRSM MINI ULUL ALBAB
1	Hafazan al-Quran (1 – 10 juzuk)	L	2 orang	Terbuka (1 orang)
		P	2 orang	
2	Hafazan al-Quran (1 – 20 juzuk)	L	2 Orang	Terbuka (1 orang)
		P	2 Orang	
3	Hafazan al-Quran (1 – 30 juzuk)	L/P	Maksima 4 Orang	Terbuka (1 orang)
4	Hafazan al-Quran (Mini Ulul Albab)	L	-	1 orang
		P	-	1 orang
5	Liga Huffaz	L	1 pasukan (3 orang)	-
		P	1 pasukan (3 orang)	-
6	Kuiz Mini Ulul Albab	L/P	-	1 orang (10 buah maktab yang layak ke peringkat akhir sahaja)
7	Tarannum & Tafsir	L	1 pasukan (2 orang)	1 pasukan (2 orang)
		P	1 pasukan (2 orang)	1 pasukan (2 orang)
8	Pidato Bahasa Arab (Men. Atas) <i>*peserta yang sama dengan tarannum &amp; tafsir</i>	L	1 Orang	1 orang (lelaki / perempuan)
		P	1 Orang	
9	Pidato Bahasa Arab (Men. Ren) <i>*peserta yang sama dengan tarannum &amp; tafsir</i>	L/P	1 orang	1 orang
10	Inovasi Muslim	-	1 kumpulan (2 orang)	1 kumpulan (2 orang)
11	Murattal al-Quran dan Azan	L	1 orang	1 orang
12	Wacana Ensiklopedik (Video)	-	1 kumpulan (2 orang)	1 kumpulan (2 orang)
13	Tarannum Jamaie (Video)	-	1 kumpulan (10 – 12 orang)	1 kumpulan (10 – 12 orang)
14	Kalam Jamaie (Video)	-	1 kumpulan (25 orang termasuk 1 orang konduktor)	1 kumpulan (25 orang termasuk 1 orang konduktor)
15	Multimedia Dakwah (Video)	-	1 kumpulan (2 orang)	1 kumpulan (2 orang)
<b>Jumlah Maksima 1 Kontinjen (tidak termasuk peserta pertandingan berbentuk video)</b>			<b>25 peserta</b>	<b>13 peserta</b>

Tarikh akhir menghantar senarai peserta adalah 16 Jun 2017 (Jumaat)

Sila hantarkan penyertaan melalui pautan pendaftaran di laman web <https://ihtifal2017.jimdo.com>

\* Ijtihadik memamah akan dijadikan sebagai satu slot riadah peserta.